

~~UCAPAN ADHO~~

~~44~~

~~322 - 90/79~~

~~226 - 148/78~~

UCAPAN YAB PERDANA MENTERI,
DATO HUSSEIN ONN, DI UPACARA
MERESMIKAN BALAI BOMBA JINJANG,
JINJANG UTARA, KUALA LUMPUR,
PADA HARI JUMAA'T 30HB. JUN,
1978 JAM 3.00 PETANG.

1. Yang Berbahagia Datuk Bandar,
Tan Sri Yaacob bin Abdul Latiff,
 2. Yang Berusaha Dr. Tan Tiong Hong,
 3. Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.
-

Saya amat sukacita kerana dapat peluang melawat kawasan Jinjang, menemui penduduk-penduduk di sini, dan seterusnya meresmikan pembukaan Balai Bomba di Jinjang.

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih serta setinggi-tinggi penghargaan, kepada Dewan Bandaraya, khusus kepada Datuk Bandar,

kerana memberi penghormatan ini kepada saya.

2. Pembinaan Balai Bomba di kawasan ini, adalah salah satu usaha Kerajaan Barisan Nasional dalam melaksanakan dua daripada dasar penting bagi Wilayah Persekutuan. Dasar pertama ialah, memberi keutamaan kepada kemudahan-kemudahan bagi faedah rakyat yang berpendapatan rendah. Saperti kita sedia maklum, malapetaka api telah kerap berlaku di kawasan-kawasan rumah yang di diami oleh penduduk-penduduk

berpendapatan rendah di bandaraya ini.

Malapetaka telah membawa banyak penderitaan kepada penduduk-penduduk miskin, kehilangan rumahtangga, pengorbanan jiwa, kemusnahan harta-benda dan kehilangan pekerjaan. Dengan adanya Balai Bomba ^{sendiri} di kawasan ini, ~~sendiri~~, penduduk-penduduk di sini akan dapat perlindungan dari bahaya ini. ~~dan masa hadapan menjadi lebih terjamin.~~

3. Bagi menjayakan pelaksanaan dasar penting kedua bagi Wilayah Persekutuan,

...4/-

Kerajaan Barisan Nasional sedang merancang
memindahkan pentadbiran dan kemudahan dari
hanya bertumpu di pusat bandarnya, ^{nya} ke beberapa
kawasan lain dalam Wilayah Persekutuan, di-
mana kediaman penduduk-penduduk semakin
bertambah. Dengan jalan ini, Kerajaan
Barisan Nasional dapat memenuhi keperluan
rakyat, dan usaha Kerajaan ^{mengediakan kemudahan} ~~memberi perlindungan,~~
^{untuk rakyat} dapat dijalankan dengan lebih licin dan
berkesan lagi. Konsep "decentralisation of
services and administration" ini, akan
dilaksanakan berperingkat-peringkat di
Kuala Lumpur ini. Wilayah Persekutuan adalah

satu kawasan yang luas, mempunyai bilangan penduduk lebih-kurang 800 ribu orang.

~~4. Di sekitar kawasan berdekatan dengan bandaraya, terdapat banyak projek-projek perumahan, yang dijalankan oleh Kerajaan dan swasta. Dalam keadaan yang demikian, Bandaraya Kuala Lumpur tidak lagi dapat ditadbirkan dengan berkesan dari satu pusat saja. Bagi mengatasi berbagai-bagai masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk yang tinggal di luar kawasan bandaraya ini, Kerajaan Barisan Nasional sedang merancang untuk~~

~~membina dua pusat bandar baru, di mana
pejabat-pejabat cawangan Dewan Bandaraya
dapat ditubuhkan.~~

5. Sebagaimana yang telah saya nyatakan baru-baru ini, bahawa jika rakyat memberi mandat baru, ~~sekali lagi~~ Barisan Nasional akan menubuhkan sebuah Kerajaan yang berjiwa rakyat, (Government of the People), menumpukan sepenuh usaha dan tenaganya untuk benar-benar berkhidmat kepada rakyat, mengutamakan kepentingan dan kebajikan rakyat, serta menjamin keselamatan rakyat.

Kami berazam untuk membawa kemajuan dan kemakmuran kepada rakyat, keadilan sosial serta mewujudkan keadaan hidup rakyat yang lebih baik bagi semua.

5A. ~~Kerajaan Barisan Nasional~~ sentiasa ~~sedar terhadap keperluan, hasrat dan cita-cita rakyat. Inilah juga yang menjadi hasrat dan cita-cita kami. Ikran kami ialah menubuhkan sebuah Kerajaan yang cekap, jujur dan bersih dari rasuah dan penyelewengan, bukan sahaja di peringkat Persekutuan, bahkan juga di-~~ *Barisan Nasional beribarat akan terus* ~~peringkat negeri. Insya Allah jika diberi~~

mandat ^{baru,} ~~sekali lagi~~ kami akan tunaikan segala hasrat dan cita-cita rakyat.

~~6. Kerajaan Barisan Nasional yang telah di beri amanah oleh rakyat sejak tahun 1974, mempunyai kemampuan dan keupayaan, untuk menjayakan segala hasrat dan cita-cita rakyat. Kami telahpun dengan bersungguh-sungguh berkhidmat kepada rakyat. Sesungguhnya, Kerajaan Barisan Nasional telah menjalankan dengan sedaya upayanya, untuk merancang, menyusun dan melaksanakan rancangan-rancangan dan projek-projek pembangunan, dengan tujuan~~

~~membawa kemajuan dan kemakmuran kepada
rakyat dan negara. Kami mempunyai cukup
tenaga, kemahiran dan kepakaran untuk
memenuhi keperluan rakyat dalam apa jua
bidang. Kami telah pun~~

...8/-

Delete

~~menjayakan segala kemahuan dan kehendak rakyat yang menasabah, yang telah pun memberi faedah kepada rakyat berbilang kaum di negara ini. Setiap rakyat dan penduduk di negara kita ini, telah pun menikmati kemajuan dan kemakmuran yang telah di capai sejak Kemerdekaan.~~

~~Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.~~

~~7. Penduduk penduduk kawasan Jinjang dan
adalah
Kepong/gulongan rakyat yang pertama di-
Wilayah Persekutuan, yang telah mendapat
faedah dari pelaksanaan dasar Kerajaan~~

~~Barisan Nasional, yang dilaksanakan oleh Dewan Bandaraya. Disinilah pertama kalinya, sebuah Balai Bomba di dirikan di dalam kawasan kediaman di luar kawasan Bandaraya. Di sini juga pertama kalinya, ditubuhkan pejabat cawangan Dewan Bandaraya, untuk memberi perkhidmatan yang lebih berkesan kepada rakyat, dan merapatkan perhubungan di antara Kerajaan dan rakyat.~~

Puan² dan Puan² sekalian.

8. Kawasan Jinjang dan Kepong ini, mempunyai penduduk-penduduk yang ramai dan padat,

iaitu lebih dari seratus ribu jumlahnya,
 dan jumlah ini lebih kurang sama dengan
 jumlah penduduk-penduduk di Petaling Jaya.
 Kawasan yang begitu padat dengan penduduk-
 penduduk, memerlukan berbagai kemudahan
 bandar. Sayangnya, kawasan ini telah sekian
 lama ketinggalan zaman, dan terbiar sehingga
 menjadi sebuah kawasan "slum". Ini ialah ~~dengan~~
 kerana kawasan Jinjang dan Kepong ~~pada~~ *telah*
 beberapa lama, tidak mempunyai ~~pemimpin tem-~~ *wakil rakyat*
~~yang mengambil berat terhadap kepentingan~~
~~patan yang bertanggungjawab, dan mengambil~~
~~penduduk² di sini.~~
~~berat mengenai kepentingan rakyat di sini.~~

9. Semenjak tertubuhnya Wilayah Persekutuan, seorang tokoh ~~tempatan~~ telah muncul untuk berbakti kepada masyarakat di sini. ~~Pemimpin~~ ^{Tokoh} ini telah mengorbankan masa dan tenaga mengkaji masalah-masalah kawasan ini, mendampingi rapat dengan rakyat, untuk memahami kesulitan dan penderiatan mereka, serta mengemukakan kehendak-kehendak dan keperluan-keperluan rakyat di sini kepada Kerajaan Barisan Nasional Persekutuan. Tokoh yang saya maksudkan ~~di sini~~ ialah Dr. Tan Tiong Hong. Dengan kerjasama beliau, Dewan Bandaraya

telah membelanjakan lebih dari \$1.3 juta untuk memberi kemudahan-kemudahan yang penting, seperti pembinaan pejabat cawangan Dewan Bandaraya, balai bomba ini, pembinaan jalan-jalan, pembersihan kawasan ini, kemudahan-kemudahan kesihatan, paip air, ^{bekalan} lampu, elektrik dan lain-lain.

10. Projek-projek baru yang akan dilaksanakan di kawasan ini ialah, sebuah dewan serbaguna yang berharga \$400 ribu, sebuah pasar baru yang berharga \$250 ribu, kerana menggantikan

pasar lama di Jinjang, dan sebuah pasar bagi kawasan Batu. Masa hadapan bagi kawasan ini akan bergantung kepada ^{wakil rakyat} ~~pemimpin~~ yang cekap dan bertanggungjawab, dan dapat bekerjasama dengan Kerajaan Barisan Nasional, dan pihak Dewan Bandaraya.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

11. Kerajaan Barisan Nasional Persekutuan memang sedar dengan masaalah, kesulitan dan kekurangan rakyat di sini. Penduduk di Jinjang dan Kepong ini, adalah terdiri dari peniaga-

peniaga kecil, pengusaha-pengusaha kilang kecil, tukang-tukang yang mahir dalam pembinaan, membaiki motokar dan alat-alat letrik, serta buruh-buruh kontrek bagi pembinaan dan kemajuan tanah. Bidang pekerjaan penduduk-penduduk di sini, adalah dinamakan "service industry" atau perusahaan dalam bidang perkhidmatan. Mata pencarian mereka semua, selama ini, adalah bergantung pada amnya, kepada pembangunan bandaraya Kuala Lumpur.

12. Oleh sebab Kuala Lumpur telah pesat membangun, tenaga kemahiran adalah diperlukan,

dan bahan-bahan jualan dari sini, ~~dan~~ mendapat pasaran yang baik dari penduduk-penduduk *di* bandaraya ini. Pembangunan yang pesat di- Kuala Lumpur ini, yang mencerminkan kemajuan seluruh negara, adalah hasil dari "investment climate" yang sihat dan menarik, dari suasana politik yang stabil, dari ekonomi negara yang kukuh, dan yang penting sekali, dari keyakinan dan confidence kepada Kerajaan Barisan Nasional, yang telah mentadbirkan negara sejak Kemerdekaan.

~~13. Keyakinan ini nyata sekali di Kuala Lumpur ini, di mana tidak kurang dari 60 permohonan diterima pada tiap-tiap minggu oleh Dewan Bandaraya, untuk membina berbagai-bagai jenis bangunan. Selain daripada ini, kemajuan ekonomi di Bandaraya ini, adalah hasil dari projek-projek pembangunan oleh Kerajaan Barisan Nasional Persekutuan, dan perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan Barisan Nasional, melalui Dewan Bandaraya.~~

14. Kerajaan Barisan Nasional Persekutuan, telah memberi peruntukan sebanyak \$400 juta kepada Dewan Bandaraya, bagi melaksanakan projek-projek di dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Ini tidak termasuk usaha-usaha pembangunan oleh jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan Barisan Nasional yang lain, seperti Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pelajaran, Lembaga Letrik Negara, Perbadanan Kemajuan Bandar (UDA), dan lain-lain agensi. Dari pembangunan inilah, rakyat dan penduduk yang tinggal di Kepong dan Jinjang ini, mendapat peluang pekerjaan dan perniagaan.

Jika pembangunan di Kuala Lumpur ini merosot,
mata pencarian bagi kebanyakan dari rakyat
di kawasan ini akan tertutup. Keadaan ini
akan menjejaskan masa depan rakyat di sini.
Oleh itu, bagi memastikan masa depan yang
lebih terjamin, rakyat di kawasan Jinjang dan
Kepong, hendaklah memberi sokongan dan kerjasama
sepada
~~dengan~~ Kerajaan Barisan Nasional.

15. Bagi menjayakan pelaksanaan projek-projek
di kawasan Kepong dan Jinjang, Kerajaan Barisan
Nasional memerlukan tenaga *wakil rakyat* pemimpin yang

mempunyai persefahaman dengan pihak pentad-

biran. Barisan Nasional yakin akan memperolehi

mandat baru rakyat pada keseluruhannya.

Oleh itu, rakyat di kawasan ini perlulah

memberi sokongan dan kepercayaan kepada *calun* *resmi*

Barisan Nasional, Dr. Tan Tiong Hong, supaya dapatlah kita

bersama-sama memajukan kawasan ini, serta

bersama-sama menjamin keadaan hidup yang

lebih baik, dan masa depan yang lebih



kukuh, bagi rakyat di sini, dan jenerasi

yang akan datang.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

16. Dengan pesanan ini, saya dengan amat sukacitanya, mengisytiharkan Balai Bomba Jinjang ini, di buka dengan resminya.

Terima kasih.



Tuan-tuan dan puan-puan sekalian

Dengan pesanan ini saya dengan amat

sukacitanya, mengisytiharkan Gajet Bomba

Jinjang ini di buka dengan resminya.

Terima kasih.



No Siri 380
No Penerimaan 44/79